

20 JAN 1996

Thai

MASYARAKAT KETURUNAN THAI DIGESA BERSAING MEREBUT PELUANG

KANGAR, 20 Jan (Bernama) -- Masyarakat keturunan Thai yang merupakan golongan minoriti di Malaysia digesa bersaing merebut pelbagai peluang hasil daripada kemakmuran negara.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, mereka kini mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada kerajaan bukan sahaja dalam bidang ekonomi dan pentadbiran malah kepimpinan negara.

Semasa berucap di majlis meraikan perlantikan Pengerusi Penyelaras Persatuan Masyarakat Thai Malaysia, Charern Intachat, 56, sebagai anggota Dewan Negara di sini, malam tadi, beliau berkata pemilihan itu membuktikan kerajaan tidak mengenyahkan mereka.

Charern, bekas Pengarah Imigresen Kedah mencatat sejarah bagi masyarakat Thai kerana menjadi orang pertama dilantik sebagai anggota Dewan Negara.

Menteri Besar turut mengumumkan perlantikan Timbalan Pengerusi Persatuan Masyarakat Thai Perlis, Siw Chun a/p Eam sebagai anggota Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Beliau turut membayangkan kemungkinan kerajaan negeri melalui Perbadanan Menteri Besar dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) membantu melaksanakan projek raksasa Perkampungan Budaya Thai di Pulau Langkawi.

Projek yang dianggarkan bernilai RM34 juta itu telah dicadangkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Persatuan Masyarakat Thai Malaysia untuk dilaksanakan sebagai salah satu projek ekonomi.

Menteri Besar berkata kerajaan negeri sanggup membantu persatuan itu melaksanakan projek itu secara turnkey jika persatuan berkenaan masih menghadapi masalah mendapatkan modal.

Charern yang ditemui selepas majlis anjuran Persatuan Masyarakat Thai Perlis itu berkata projek raksasa itu masih lagi di peringkat rundingan dan tetap dilaksanakan. -- BERNAMA